

4

**NOTA**  
**TEKNIKAL**  
*Technical Notes*

## PENGENALAN

Penerbitan ini membentangkan statistik produktiviti buruh suku tahunan bagi tempoh suku pertama 2020 hingga suku keempat 2024 mengikut aktiviti ekonomi. Statistik ini disusun berdasarkan konsep dan panduan yang digariskan dalam ***System of National Accounts 2008, United Nations*** dan ***The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Manual: Measuring Productivity***.

Statistik yang tersedia dalam penerbitan ini termasuk nilai dan perubahan peratusan tahunan. Namun, metodologi penyusunan telah ditambah baik dengan komponen baharu iaitu indeks produktiviti buruh per jam bekerja dan indeks produktiviti buruh per pekerja yang diterbitkan kepada umum bermula pada suku pertama 2022. Indeks produktiviti buruh ini menggunakan 2015 sebagai tahun asas.

## SKOP DAN LIPUTAN

Penyusunan statistik produktiviti buruh meliputi lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan dan pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan, dan Perkhidmatan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Pengkelasan subsektor dan aktiviti ekonomi adalah seperti paparan di bawah, dengan perincian lapan (8) subsektor bagi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.

### Klasifikasi Aktiviti Ekonomi mengikut MSIC 2008 Ver. 1.0

SEKTOR	BAHAGIAN	PEMBAHAGIAN	KETERANGAN
Pertanian	A		Pertanian, perhutanan dan perikanan
Perlombongan dan pengkuarian	B		Perlombongan dan pengkuarian
Pembuatan	C		Pembuatan
		10	Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan
		11, 12	Minuman dan produk tembakau
		13, 14, 15	Produk tekstil, pakaian dan kulit
		16, 17, 18, 31	Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan
		19, 20, 21, 22	Produk petroleum, kimia, getah dan plastik
		23, 24, 25*	Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka *tidak termasuk 252
		26, 27, 28	Produk elektrik, elektronik dan optikal *termasuk 252 & 325
		29, 30, 32*, 33	Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan *tidak termasuk 325
Pembinaan	F		Pembinaan
Perkhidmatan	D, E		Utiliti
	G		Perdagangan borong dan runcit
	I		Makanan & minuman dan penginapan
	H		Pengangkutan dan penyimpanan
	J		Maklumat dan komunikasi
	K		Kewangan dan insurans
	L, M, N		Hartanah dan perkhidmatan perniagaan
	P, Q, R, S, T		Perkhidmatan lain



## KONSEP DAN DEFINISI

Konsep produktiviti buruh merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Produktiviti buruh boleh didefinisikan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (pekerja dan jumlah jam bekerja).

Produktiviti boleh diukur dengan pelbagai kaedah mengikut keperluan dan ketersediaan data. Kaedah-kaedah ini boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu **produktiviti faktor tunggal** dan **produktiviti faktor pelbagai**. *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) telah menggariskan penggunaan input buruh sebagai indikator produktiviti selari dengan keperluan Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun begitu, faktor-faktor lain yang mempengaruhi nilai ditambah seperti aset dan teknologi tidak boleh diukur melalui kaedah ini.

Penggunaan kaedah produktiviti faktor tunggal boleh memberi kesan kepada nilai produktiviti di mana bagi sesetengah industri mungkin tidak merujuk kepada jumlah sebenar pengeluaran bagi seorang pekerja. Pengguna disarankan menggunakan data indeks dan perubahan peratusan bagi tujuan analisis. Nilai produktiviti buruh dalam penerbitan ini adalah sebagai rujukan sahaja dan sebarang analisis perbandingan perlu dibuat secara berhati-hati.

### Nilai ditambah

Nilai ditambah merujuk kepada perbezaan antara output dan penggunaan perantaraan. Output adalah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ini termasuk pengeluaran untuk pasaran, pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan pengeluaran bukan pasaran (perkhidmatan kerajaan dan NPISHs). Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan oleh pertubuhan. Sementara itu, penggunaan perantaraan adalah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar.

Nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

### Pekerja

Pekerja merujuk kepada mereka yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika:

- Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, perusahaan ladang atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
- Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja, tetapi berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.



Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya pekerjaan yang mengambil masa terbanyak semasa tempoh rujukan dianggap sebagai pekerjaan utamanya. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, di pekerjaan mana dia telah bekerja paling lama dianggap sebagai pekerjaan utamanya.

### Jumlah jam bekerja

Jumlah jam bekerja bagi pekerjaan dalam tempoh rujukan merujuk kepada agregat sebenar jam bekerja bagi suku tahun. Ini merupakan hasil darab daripada purata jam bekerja dengan pekerja jam bekerja. Pekerja jam bekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja tidak termasuk mereka yang tidak bekerja pada akhir tempoh rujukan kerana sakit, kecederaan, hilang upaya, cuaca buruk, cuti, pertikaian buruh dan sebab sosial atau agama.

$$THW = AHW \times EmpHW$$

di mana:

<b>THW</b>	Jumlah jam bekerja
<b>AHW</b>	Purata jam bekerja
<b>EmpHW</b>	Pekerja jam bekerja

### Produktiviti buruh per pekerja

Produktiviti buruh per pekerja ditakrifkan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (pekerja). Ukuran ini menggambarkan jumlah output yang dihasilkan oleh setiap orang yang bekerja sepenuh masa, separuh masa, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam dalam seminggu. Pekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja pada akhir tempoh rujukan.

$$LPE = \frac{VA}{Emp}$$

di mana:

<b>LPE</b>	Produktiviti buruh per pekerja
<b>VA</b>	Nilai ditambah
<b>Emp</b>	Pekerja

### Produktiviti buruh per jam bekerja

Produktiviti buruh per jam bekerja ditakrifkan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (jumlah jam bekerja). Ukuran ini menggambarkan jumlah output yang dihasilkan dalam tempoh sejam berdasarkan kategori pekerja yang bekerja sepenuh masa, separuh masa, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam dalam seminggu. Pekerja jam bekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja kecuali mereka yang tidak bekerja pada akhir tempoh rujukan kerana sakit, kecederaan, hilang upaya, cuaca buruk, cuti, pertikaian buruh dan sebab sosial atau agama.



$$\text{LPHW} = \frac{\text{VA}}{\text{THW}}$$

di mana:

<b>LPHW</b>	Produktiviti buruh per jam bekerja
<b>VA</b>	Nilai ditambah
<b>THW</b>	Jumlah jam bekerja

### Indeks produktiviti buruh

Indeks produktiviti buruh (LPI) ialah petunjuk untuk mengukur kecekapan input yang digunakan bagi menjana output dalam tempoh masa tertentu. LPI ditakrifkan sebagai nisbah indeks output (barangan dan perkhidmatan) kepada indeks input (pekerja dan jumlah jam bekerja). LPI diukur pada tempoh rujukan berbanding tahun asas 2015, (2015=100).

$$\text{LP}_i = \frac{\text{O}_i}{\text{I}_i} \times 100$$

di mana:

<b>LP<sub>i</sub></b>	Indeks produktiviti buruh
<b>O<sub>i</sub></b>	Indeks output (nilai ditambah)
<b>I<sub>i</sub></b>	Indeks input (pekerja atau jumlah jam bekerja)

## KAEDAH PENGANGGARAN PRODUKTIVITI BURUH

Penganggaran produktiviti buruh suku tahunan diukur menggunakan kaedah produktiviti faktor tunggal. Anggaran ini dibuat berdasarkan maklumat nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi. Pengukuran produktiviti buruh per jam bekerja memberikan gambaran yang lebih baik berkenaan perkembangan produktiviti dalam ekonomi berbanding produktiviti buruh per pekerja kerana elemen perbezaan komposisi pekerja sepenuh masa/ separuh masa telah dihapuskan. Maklumat tambahan berkaitan penganggaran produktiviti buruh boleh diperolehi dari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).

Nilai ditambah yang digunakan adalah nilai pada harga malar di mana nilai ini merujuk kepada nilai barangan dan perkhidmatan pada harga asas tahun 2015. Pekerja merujuk kepada bilangan keseluruhan pekerja dalam tempoh rujukan, manakala jumlah jam bekerja ialah agregat sebenar jam bekerja dalam tempoh rujukan.


Kaedah penganggaran data pekerja adalah berdasarkan data banci dan survei yang dijalankan oleh DOSM serta data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Anggaran suku tahunan dan tahunan meliputi keseluruhan pekerja mengikut aktiviti ekonomi. Pekerja tahunan adalah purata pekerja suku tahunan bagi tahun tersebut. Anggaran pekerja dikira menggunakan kaedah ekstrapolasi yang merujuk kepada pelbagai sumber data manakala jumlah pekerja merujuk kepada penduduk bekerja yang diterbitkan dalam laporan suku tahunan Survei Tenaga Buruh (STB). Perlu diingatkan bahawa anggaran pekerja mengikut aktiviti ekonomi tidak semata-mata berdasarkan STB kerana komponen pekerja produktiviti buruh telah mengambil kira penyelarasan sumber data penawaran dan permintaan buruh.




## 11 SUBSEKTOR KEUTAMAAN

Salah satu strategi nasional untuk memacu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi secara berterusan adalah melalui kerjasama industri di Malaysia. Selari dengan ini, kerajaan telah melancarkan **Malaysia Productivity Blueprint (MPB)** pada Mei 2017 sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kesebelas. Terdapat 9 subsektor keutamaan dalam MPB yang dikenal pasti menunjukkan potensi pertumbuhan yang tinggi untuk negara. Mulai 2023, sebanyak dua subsektor keutamaan baharu diperkenalkan iaitu Pembinaan & alam bina dan Logistik, menjadikan jumlah subsektor keutamaan sebanyak 11, manakala bilangan sektor utama turut bertambah iaitu Pertanian, Pembuatan, Pembinaan, dan Perkhidmatan. Sehubungan ini, subsektor keutamaan Agromakanan dan Penjagaan kesihatan swasta juga telah dikaji semula dan diterbitkan pada suku tahun keempat 2023 [rujuk jadual di muka surat 73].

11 subsektor keutamaan telah dikenal pasti termasuk Agromakanan; Kimia dan produk kimia; Elektrik dan elektronik; Mesin dan peralatan; Pembinaan & alam bina; Peruncitan dan makanan & minuman; Logistik; Pelancongan; Digital; Perkhidmatan professional; dan Penjagaan kesihatan swasta. Pemilihan 11 subsektor ini berikutan sumbangan sebanyak 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dan 40 peratus kepada jumlah pekerja. Subsektor ini diberi keutamaan berdasarkan kriteria berikut:



11 subsektor keutamaan untuk memacu pelaksanaan inisiatif produktiviti seperti yang digariskan oleh MPB adalah seperti berikut:



Klasifikasi 11 subsektor keutamaan yang telah ditentukan menggunakan MSIC 2008 Ver. 1.0 adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.


### Klasifikasi 11 subsektor keutamaan menggunakan MSIC 2008 Ver. 1.0

MSIC	KETERANGAN
<b>AGROMAKANAN</b>	
011	Penanaman tanaman tidak kekal*
012	Penanaman tanaman kekal**
013	Pembiakan tumbuhan
014	Pengeluaran ternakan
015	Pertanian campuran
03	Perikanan dan akuakultur
	* tidak termasuk: 01150
	** tidak termasuk: 01261, 01262, 01273, 01281, 01291, 01292, 01295
<b>KIMIA DAN PRODUK KIMIA</b>	
20	Pembuatan kimia dan produk kimia
<b>ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK</b>	
26	Pembuatan produk komputer, elektronik dan optikal
27	Pembuatan kelengkapan elektrik
<b>MESIN DAN PERALATAN</b>	
28	Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.
<b>PEMBINAAN &amp; ALAM BINA</b>	
41	Pembinaan bangunan
42	Kejuruteraan awam
43	Aktiviti pembinaan pertukangan khas
<b>PERUNCITAN DAN MAKANAN &amp; MINUMAN</b>	
47	Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal
56	Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
<b>LOGISTIK</b>	
49	Pengangkutan darat dan pengangkutan melalui saluran paip <sup>+</sup>
50	Pengangkutan air <sup>++</sup>
51	Pengangkutan udara <sup>#</sup>
52	Penggudangan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan <sup>##</sup>
53	Perkhidmatan pos dan kurier
	<sup>+</sup> hanya termasuk: 49120, 49230, 49300
	<sup>++</sup> hanya termasuk: 50121, 50122, 50220
	<sup>#</sup> hanya termasuk: 51201, 51202, 51203
	<sup>##</sup> tidak termasuk: 52212, 52213, 52214, 52231, 52232, 52233, 52234, 52292
<b>PELANCONGAN</b>	
55	Penginapan
79	Agensi pengembaraan, operator pelancongan, khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan
90	Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif
91	Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain
93	Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan rekreasi
<b>DIGITAL [ Teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) ]</b>	
58	Aktiviti penerbitan
59	Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik
60	Aktiviti pemrograman dan penyiaran
61	Telekomunikasi
62	Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan
63	Aktiviti perkhidmatan maklumat
<b>PERKHIDMATAN PROFESIONAL</b>	
69	Aktiviti guaman dan perakaunan
70	Aktiviti ibu pejabat; aktiviti perundingan pengurusan
71	Aktiviti arkitek dan kejuruteraan; ujian teknikal dan analisis
72	Penyelidikan dan pembangunan saintifik
73	Pengiklanan dan penyelidikan pasaran
74	Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain
75	Aktiviti veterinar
<b>PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA</b>	
86	Aktiviti kesihatan kemanusiaan
87	Aktiviti rumah penjagaan



## SUMBER DATA

Sumber data utama penerbitan ini terdiri daripada statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia:



Data sekunder turut digunakan dalam penganggaran produktiviti buruh iaitu *Employment Statistics in Financial Industry* dari Bank Negara Malaysia, Statistik Penjawat Awam dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Statistik Pekerja Asing dari Kementerian Dalam Negeri.

## PEMBUNDARAN

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin berbeza dengan jumlah besar tertera di dalam jadual kerana pembundaran secara bebas.

## SIMBOL DAN SINGKATAN

<b>&amp;</b>	: dan	<b>ST</b>	: suku tahun	<b>e</b>	: anggaran
<b>%</b>	: peratus	<b>r</b>	: disemak	<b>p</b>	: permulaan
<b>RM</b>	: Ringgit Malaysia	<b>KDNK</b>	: Keluaran Dalam Negeri Kasar	<b>OECD</b>	: <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
<b>NPISHs</b>	: <i>Non-Profit Institutions Serving Households</i>	<b>MPB</b>	: <i>Malaysia Productivity Blueprint</i>		

## PENERBITAN DAN SEMAKAN STATISTIK

Statistik produktiviti buruh yang dilaporkan dalam penerbitan ini bermula dari suku pertama 2020 hingga suku keempat 2024 disusun berdasarkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar, jam bekerja dan pekerja. Statistik pekerja telah diselaraskan berdasarkan data terkini banci dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM. Semakan semula statistik produktiviti buruh adalah tertakluk kepada semakan statistik nilai ditambah, jam bekerja dan pekerja.





**PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIPEROLEH DI JABATAN PERANGKAAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:  
THIS PUBLICATION IS ALSO AVAILABLE AT THE FOLLOWING STATES DEPARTMENT OF STATISTICS:**

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,  
Tingkat 14, Menara Tabung Haji, Jalan Air Molek,  
80000 Johor Bahru, Johor.  
Tel : 07 - 225 3700  
Faks : 07 - 224 9972  
E-mel : jpjohor@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,  
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),  
30450 Ipoh, Perak.  
Tel : 05 - 243 6107  
Faks : 05 - 255 1073  
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,  
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Muadzam Shah,  
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.  
Tel : 04 - 700 1240  
Faks : 04 - 733 8412  
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,  
Tingkat 2, 26B,  
KPARC,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 04 - 977 1221  
Faks : 04 - 977 1223  
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Jalan Bayam,  
15514 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09 - 741 9449  
Faks : 09 - 748 2142  
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,  
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,  
Jalan Indah, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03 - 5515 0200  
Faks : 03 - 5518 0408  
E-mel : jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,  
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan, Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06 - 252 2725  
Faks : 06 - 252 2711  
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,  
Jalan Sultan Ismail,  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel : 09 - 622 3062  
Faks : 09 - 622 9659  
E-mel : admin\_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan, Jalan Dato' Abdul Kadir,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06 - 765 5000  
Faks : 06 - 765 5002  
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,  
Tingkat 1-3, Blok C,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,  
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,  
88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel : 088 - 484 602  
Faks : 088 - 484 659  
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,  
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan, Jalan Gambut,  
25000 Kuantan, Pahang.  
Tel : 09 - 516 39317  
Faks : 09 - 514 4636  
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,  
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku  
Hj. Bujang, Jln Simpang 3,  
93514 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082 - 240 287  
Faks : 082 - 242 609  
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,  
10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.  
Tel : 04 - 226 6244  
Faks : 04 - 229 9499  
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan,  
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 2267 2400  
Faks : 03 - 2691 0639  
E-mel : dosmwp@dosm.gov.my

